



Sebahagian atlet dan kontijen dalam Kejohanan Lawan Pedang 2013 di MSN, baru-baru ini.



Aksi peserta dalam kejohanan lawan pedang.

KPT cungkil atlet lawan pedang

Oleh Nur Ekmal Buhary
Mohd Taha

bhvarsiti@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 100 atlet institusi pengajian tinggi (IPT) daripada 24 pasukan menyertai Kejohanan Lawan Pedang 2013 di Majlis Sukan Negara (MSN), di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Penganjur kejohanan itu, Michael Yei Wee Keat, berkata negara mempunyai ramai atlet IPT yang berpotensi dalam acara lawan pedang dan perlu diberikan pendedahan perlawanan bertaraf antarabangsa pada peringkat

awal.

“Sukan ini ialah acara yang turut dipertandingkan di Sukan SEA, jadi kita berpendapat pembangunan sukan lawan pedang perlu dilakukan pada peringkat akar umbi bagi memastikan kita tidak ketandusan atlet berpotensi.

“Acara lawan pedang juga tersenarai dalam Sukan Universiti Dunia, oleh itu, kita mahu atlet yang ada sekarang diberi peluang menunjukkan kemahiran mereka mewakili negara dan mampu bersaing dengan atlet IPT benua Eropah yang menguasai sukan lawan pedang,” katanya dalam satu kenyataan.

Latihan awal

Kejohanan julung kali diadakan itu anjuran Kement-

rian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Pusat Sukan Tumpuan Lawan Pedang dan dikendalikan Universiti Nilai sebagai sebahagian daripada inisiatif kementerian bagi menyokong pembangunan sukan lawan pedang.

Kejohanan itu digunakan sebagai landasan awal KPT untuk menyediakan pasukan lawan pedang dalam kalangan atlet IPT untuk menghadapi Sukan Universiti Dunia (Universide) di Kazan, Russia pada Julai depan serta kejohanan lawan pedang jempunan Universiti-universiti Asean hujung tahun ini di Kuala Lumpur.

Selain itu, penganjur kejohanan itu ialah antara usaha untuk melobi penganjur acara sama



Pemenang emas kategori epee Koh (kiri), Natasha Ezzra (tengah) dan Nurul Ariezzat Nazreen.

(lawan pedang) untuk dipertandingkan di Sukan Universiti ASEAN 2014 di Palembang, Indonesia.

Monopoli atlet kebangsaan

Lebih 20 IPT termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti menyertai kejohanan yang dikendalikan Pusat Sukan Tumpuan Lawan Pedang Universiti Nilai.

Penganjur edisi per-

tama Kejohanan Lawan Pedang KPT-Nilai University menyaksikan penguasaan atlet kebangsaan mengungguli hampir sebahagian besar daripada enam kategori dipertandingkan iaitu epee, sabre dan foil untuk kedua-dua kategori lelaki dan wanita.

Universiti Putra Malaysia cemerlang mengutip tiga pingat emas menerusi kemenangan Fizah Syabila

dalam kategori sabre wanita, Yaminah Mohd Yasin (epee wanita) dan Natasha Ezra Abu Bakar (foil wanita).

Dalam kategori lelaki pula, emas kategori epee dimenangi Koh I-Jie dari Nilai University. Acara foil pula dimenangi atlet Sunway University, Andrew Mok sementara Nurul Ariezzat Nazreen Hashim dari Kolej Cyberlynx menjuarai acara sabre.